

UBAT-UBAT ANTI-KEKEJANGAN

Propantheline
Hyoscine Butylbromide
Mebeverine
Alverine
Chlordiazepoxide/Clidinium



MENGENAI ubat anda

Propantheline, Hyoscine Butylbromide, Mebeverine, Alverine dan Chlordiazepoxide/Clidinium merupakan ubat dalam kelas yang dikenali sebagai agen anti-kekejangan. Ubat-ubat ini mengendurkan otot dalam sistem gastrousus. Dengan ini, mereka digunakan untuk melegakan kekejangan perut dan usus sebagai contohnya, dispepsia yang bukan ulcer dan syndrome irritasi perut (*irritable bowel syndrome*).

BAGAIMANA cara untuk saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu ambil berdasarkan pada tahap kesakitan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang ditentukan oleh doktor anda.

Propantheline	15mg 3 kali sehari sekurang-kurangnya 1 jam sebelum makan dan 30mg pada waktu malam (dos maksima harian: 120mg)
Hyoscine Butylbromide	20mg 4 kali sehari sebelum makan (dos maksima harian: 80mg)
Mebeverine	135mg 3 kali sehari sebaiknya 20 minit sebelum sarapan
Alverine	60mg hingga 120mg 3 kali sehari sebelum makan
Chlordiazepoxide (5mg) /Clidinium (2.5mg) setiap kapsul	1 kapsul 3 hingga 4 kali sehari sebelum makan.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi mengantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila hubungi doktor anda untuk memastikan apa yang patut anda buat.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku apabila mengambil ubat ini?

Agen anti-kekejangan pada umumnya dapat ditolerasi dengan baik. Sesetengah kesan sampingan termasuk sembelit, kekaburan penglihatan, kerap membuang air kencing dan penahanan air kencing, rasa mengantuk dan kekeringan mulut, tekak dan kulit.

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin jika anda berasa mengantuk dan penglihatan anda kabur. Elakkan alkohol dan ubat-ubat lain yang mungkin mengurangkan kecergasan. Juga, beritahu doktor anda tentang sebarang penyakit yang anda hidapi serta sebarang ubat yang anda sedang ambil.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat-ubatan lain, jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat lain atau jika ada berlakunya alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebangkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.